

Resensi Buku/ *Book Review*

Resensi Buku Yusriadi & Ismail Ruslan Pontianak: Temajuk: Sempadan di Ekor Borneo, 2015, STAIN Pontianak Press

OLEH:

CHONG SHIN

INSTITUT ALAM DAN TAMADUN MELAYU
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Walaupun sudah lebih 20 tahun memasuki abad ke-21, penelitian di Pulau Borneo masih perlu usaha yang berganda. Tidak dapat dinafikan bahawa pengkajian ilmu sains sosial berjalan dengan giat mulai pertengahan abad ke-20 sehingga ke hari ini, namun keluasan pulau ini dan kesukaran dari segi jaringan pengangkutan telah mengekang usaha penelitian yang dihajati di wilayah ini. Natijahnya, banyak khazanah yang telah lenyap tanpa pengetahuan atau sedang di ambang kepunahan, sebelum sempat diteliti secara tuntas. Hasil kajian Yusriadi & Ismail Ruslan (2015) merupakan satu contoh usaha peneliti tempatan menerokai khazanah ilmu Borneo dengan cara mengharungi berbagai cabaran geografi. Kawasan kajian mereka, iaitu Temajuk terletak di Kecamatan Paloh Kabupaten Sambas, Kalimantan Barat (Indonesia), iaitu di sempadan politik antarabangsa Sarawak-Indonesia. Telok Melano dan Telok Serabang di seberang sempadan merupakan kampung yang paling dekat dengan Temajuk.

Sebelum pembukaan Lebu Raya Pan Borneo pada tahun 2019, kedua-dua kampung ini dikategorikan sebagai kawasan terpencil dan terpisah dari komuniti luar akibat faktor geografi. Untuk menjangkau ke Temajuk dari Ibu Kota Provinsi Kalimantan Barat, Pontianak, perjalanan memakan masa kira-kira dua hari. Kesukaran ini ditambah lagi dengan keadaan jalan yang sebahagiannya berbentuk jalan tanah. Faktor letakkan Temajuk yang jauh dari bandar utama di Kalimantan Barat, seperti Singkawang, Bengkayang dan Sambas telah menjadikannya sebagai sebuah perkampungan terpinggir sejak pembukaannya pada abad ke-20. Keadaan sosial masyarakat dan geografi persekitaran wilayah Temajuk yang sukar, dan berada di luar landasan pembangunan telah dicatatkan dengan jelas dalam Bahagian Pertama buku ini secara eksplorasi oleh penulis-penulisnya.

Dalam Bahagian Kedua buku ini, kedua-dua penulis menghuraikan kronologi perubahan ekonomi yang menjadi tunjang kehidupan masyarakat di Temajuk. Menurut mereka, masyarakat di kawasan ini telah mengalami transformasi ekonomi, dari pembalakan ke pertanian dan nelayan. Bahagian ini memaparkan keunikan perekonomian masyarakat persempadanan di mana mata wang kedua-dua

negara adalah saling diterima, namun demikian mata wang yang bernilai tinggi paling digemari oleh penduduk setempat. Dalam perdagangan atau perusahaan lintas sempadan, turut dilaporkan oleh mereka bahawa terdapat kerjasama “antarabangsa” yang bukan hasil dari pemeteraian perjanjian perdagangan antarabangsa, misalnya terdapat masyarakat Temajuk bekerjasama dengan pengusaha di Telok Melano untuk mendirikan kilang memproses ubur-ubur. Dua buah masyarakat persempadanan ini, walaupun memiliki identiti nasional yang berbeza, dari segi ikatan persaudaraan, hubungan kedua-dua komuniti yang berbeza negara ini didapati sangat utuh sehingga tidak goyah meskipun ketika hubungan Malaysia dan Indonesia berada dalam ketegangan politik. Pada peringkat sosiobudaya, perkahwinan dan budaya memiliki keluarga angkat dengan masyarakat Telok Melano merupakan faktor utama yang menambat silaturahmi dengan penduduk di Telok Melano yang tinggal di seberang sempadan. Fakta tersebut telah dilaporkan dalam Bahagian Ketiga buku ini. Di Bahagian Keempat, penulis buku secara khusus memerihalkan aspek sosial dan budaya masyarakat yang dikaji, misalnya budaya perkahwinan. Aktiviti gotong royong dalam perkahwinan yang melibatkan masyarakat Temajuk

dan Telok Melano merupakan amalan murni yang masih dapat disaksikan di era moden ini.

Buku berupa hasil catatan kajian lapangan ini pada dasarnya sukar dikategorikan sebagai sebuah buku akademik. Namun demikian, sifat empirikal kajian yang ditampilkan di Bahagian Kelima, iaitu kedua-dua penulis ini mengadakan *focus discussion group* dengan informan terpilih menonjolkan nilai ilmiah buku ini. Metodologi ini sesungguhnya merupakan satu kepujian dalam penelitian lapangan kerana melalui *focus discussion group*, sifat validiti data yang dikumpulkan dapat dibuktikan dan seterusnya mengesahkan hasil kajian buku ini yang kebanyakannya bersumberkan pengalaman pengembaraan penulis (yang mungkin subjektif dan bersifat persepsi peribadi). Hasil kajian dalam *focus discussion group* ini telah dibincangkan dalam beberapa sub bahagian, antara yang dibincangkan merangkumi situasi kegiatan politik tempatan dan juga maklum balas mereka pada politik nasional kontemporari.

Buku ini bernilai dari segi membekalkan banyak sumber rujukan tentang sebuah kawasan terpencil yang selama ini diasingkan dengan dunia luar dan arus pembangunan perdana. Meskipun buku ini dihasilkan pada tahun 2015, kandungan buku ini tetap relevan hingga ke hari ini kerana kawasan Temajuk-Telok Melano bakal mengalami transformasi pembangunan, ekonomi, sosiobudaya, bahkan bahasa yang drastik dalam

masa beberapa tahun yang akan datang. Pendorong utama perubahan adalah kerajaan Malaysia sedang dalam pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo. Sejak pembinaan lebuh raya ini pada tahun 2015, jajaran Sematan-Telok Melano kini telah selesai dibina dan mula dibuka kepada awam pada tahun 2019. Impak positif pembinaan lebuh raya ini bukan sahaja di kecap oleh penduduk Telok Melano sahaja, tetapi juga kepada masyarakat Temajuk di seberang sempadan. Susulan daripada hubungan perdagangan, kekeluargaan yang erat, lebih-lebih lagi dengan makna sempadan antarabangsa kepada masyarakat tempatan yang bersifat konseptual, maka pembukaan lebuh raya ini secara langsung memberi manfaat kepada penduduk Temajuk. Inisiatif kerajaan untuk membina sebuah kompleks imigresen di kawasan sempadan sesungguhnya dapat meningkatkan integrasi penduduk di kawasan persempadanan dan memacu pertumbuhan ekonomi berbagai sektor di Temajuk.

Kesimpulan, buku yang di resensi ini merupakan panduan dan rujukan utama tentang keadaan ekonomi, sosio-masyarakat dan budaya di Temajuk pada era sebelum pembukaan Lebuh Raya Pan Borneo. Sumbangan buku ini kepada pengkaji-pengkaji pada masa akan datang amatlah besar dan boleh dikatakan bahawa hasil kajian mereka boleh dijadikan titik masa untuk menilai perubahan yang dibawa kesan daripada pembinaan lebuh raya Pan Borneo.